

23 Ogos 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

GANGGUAN BEKALAN AIR SEMALAMAN 10 JAM DI TAMAN TERUBONG JAYA (26/8/2017 – 27/8/2017) UNTUK PENYENGGARAAN SISTEM PENGAMBILAN TANGKI PENYIMPANAN 3.86 JUTA LITER (ML).

- **Durasi: 9.00 malam Sabtu, 26/8/2017 - 7.00 pagi Ahad, 27/8/2017.**
- **Menjejaskan: lebih kurang 12,500 penduduk 19 blok apartmen di Taman Terubong Jaya, Paya Terubong.**
- **Objektif utama: Menggantikan 2 injap sluis 300mm yang rosak dan menyenggara injap kawalan altitud 300mm.**

PULAU PINANG, Rabu (23/8/2017): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan menyenggara sistem pengambilan tangki penyimpanan 3.86 juta liter (ML) di Taman Terubong Jaya, Paya Terubong hujung minggu ini.

Tangki air 3.86 ML akan "ditutup" sementara untuk membolehkan kerja-kerja berikut dijalankan dengan sempurna:

- Mengosongkan tangki;
- Menggantikan 2 injap sluis 300mm yang rosak;
- Menyenggara 1 unit injap altitud 300mm bagi menghalang limpahan; dan
- Mengisi semula tangki, menguji sistem dan bekalan air kembali normal.

Penutupan tangki akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 10 jam, di kawasan pangsapuri pangsapuri, yang menjejaskan kira-kira 12,500 penduduk di blok pangsapuri berikut:

1	Blok 18 dan 20, Taman Terubong Jaya
----------	--

2	Blok 9 dan 11, Taman Terubong Jaya 1
3	Blok 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37, 39, 41 dan 47, Taman Terubong Jaya 2

Sila rujuk pada peta di 'Appendix A' yang menunjukkan semua kawasan yang terjejas.

Gangguan bekalan air di Taman Terubong Jaya ini dijadualkan bermula 9.00 malam Sabtu (26/8/2017) sehingga 7.00 pagi hari Ahad (27/8/2017) untuk meminimumkan kesulitan semua penduduk yang terjejas.

Sila ambil perhatian bahawa kerja-kerja air ini adalah perlu bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya masalah, termasuk gangguan bekalan air tidak berjadual di Taman Terubong Jaya.

PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku. Kami menasihati semua pengguna yang terjejas agar menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan pada malam Sabtu hingga awal pagi Ahad.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

